

Naik taraf rumah pam tangani banjir

» *JPS digesa bertindak segera, atasi masalah di Kampung Baru*

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Bagi mengatasi masalah banjir kilat di beberapa kawasan di Kampung Baru, di sini, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) digesa menaik taraf rumah pam di Kampung Sungai Baru.

Ini kerana rumah pam sedia ada yang berusia lebih dua dekad, tidak mampu menampung kapasiti air yang banyak serta kerap kali rosak.

Tiada peruntukan

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata sebelum ini, pihaknya memohon kepada Jabatan Pengurusan Banjir (JPB) di bawah JPS supaya menaik taraf rumah pam itu yang membabitkan kos RM3.57 juta,



Dua beradik, Mohd Fakhru Izzuadie (kiri) dan Mohd Fakhru Izzuan sedih buku sekolah mereka **rosak akibat banjir** di Kampung Periok, Kampung Baru.

“**Kami memohon kepada JPB untuk mengkaji semula permohonan itu kerana pada masa ini, rumah pam berkenaan tidak mampu menampung kapasiti air yang banyak**”

Johari Abdul Ghani,
Ahli Parlimen
Titiwangsa

tetapi ditolak kerana tiada peruntukan.

“Kami memohon kepada JPB untuk mengkaji semula permohonan itu kerana pada masa ini, rumah pam berkenaan tidak mampu menampung kapasiti air yang banyak,” katanya selepas

melawat rumah pam berkenaan serta menemui mangsa banjir di Kampung Sungai Baru dan Kampung Periok, semalam.

Pada lawatan itu, Johari menyampaikan sumbangan peribadi RM300 kepada setiap keluarga mangsa banjir bagi membantu

mengurangkan beban mangsa banjir.

Kelmarin, empat kampung iaitu Kampung Sungai Baru, Hujung Pasir, Paya dan Periok dilanda banjir kilat dipercayai akibat kegagalan pam menampung jumlah air yang banyak berikutan hujan lebat.

Babit 50 keluarga

Kejadian jam 7 malam hingga 11 malam itu menyebabkan 50 keluarga mengalami kerugian kerana perabot serta kelengkapan sekolah serta buku teks anak masing-masing rosak.

Johari berkata, penyelenggaraan rumah pam itu juga dibuat secara berkala, di samping mewujudkan kerjasama penduduk dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan melantik penduduk berhampiran untuk membuka pam apabila hujan lebat.

“Jika masih tidak berkesan, langkah terakhir adalah dengan men-swastakan pam berkenaan,” katanya.

Tiga kali tahun ini

Sementara itu, penduduk Kampung Periok, Fatimah Daud, 52, berkata kejadian kelmarin adalah kali ketiga pada tahun ini.

“Sejak tiga tahun menyewa rumah di sini, boleh dikatakan setiap tahun akan berlaku sekali banjir tetapi tahun ini sudah tiga kali.

“Kawasan ini mula dinaiki air pada 7 malam sehingga setinggi paras pinggang dan surut tiga jam kemudian. Kami sudah letih mengemas rumah setiap kali banjir,” katanya.